


TARIKH	09 / 09 / 2016	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	39	RUANGAN	



Faktor kekurangan maklumat tepat mengenai MERS dan kurang kesedaran menyebabkan jemaah abai ancaman virus.

Jemaah haji tidak sedar ancaman virus MERS

● Kajian 33 negara, dedahkan separuh daripadanya abai pencegahan

► Jeddah

Kajian 33 negara berhubung kesedaran jemaah mengenai Virus Korona (MERS) dijalankan ketika musim haji sebelum ini, mendedahkan separuh daripada jemaah tidak menyedari kewujudan virus itu dan langkah pencegahan.

Kajian itu, dilakukan jabatan telinga, hidung dan tekak (ENT) serta jabatan kawalan jangkitan Kingdom Abdullah Medical City dan Universiti Umm Al-Qura, membabitkan agihan soal selidik mengenai virus kepada jemaah ketika musim haji 2016. Ia disediakan dalam bahasa Inggeris, Perancis, Urdu, Indonesia,

Turki dan Melayu.

Kajian berkenaan mengesahkan kekurangan maklumat tepat mengenai penyakit itu di kalangan jemaah dan kurang kesedaran secara umum, mengakui perlunya program kesedaran berkesan selain memperbaiki kaedah pembelajaran mengenai isu kesihatan ketika musim haji.

MERS menjadi kebimbangan buat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dengan majoriti kes muncul dari negara Teluk Arab, terutama Arab Saudi. Ia menunjukkan risiko serius virus itu merebak ketika musim haji.

Mempertimbangkan sumber virus masih tidak diketahui, serta tanpa vaksinasi, ia menjadi ancaman besar ketika musim haji, perhimpunan terbesar umat Islam di dunia.

Langkah pencegahan Ia memerlukan langkah pencegahan lanjutan bagi mengurangkan penyebaran penyakit itu di kalangan jemaah di seluruh dunia.

Tujuan kajian dilakukan adalah bagi menilai kesedaran di kalangan jemaah mengenai virus korona itu dan tindak balas terhadap piawaian per-

Info

Kajian Kesedaran Jemaah mengenai Virus Korona (MERS)

- Kajian ke atas 33 negara secara soal selidik.
- Borang soal selidik disediakan dalam bahasa Inggeris, Perancis, Urdu, Indonesia, Turki dan Melayu.
- Dilakukan jabatan telinga, hidung dan tekak (ENT) serta jabatan kawalan jangkitan Kingdom Abdullah Medical City dan Universiti Umm Al-Qura.

lindungan dalam menguruskannya.

Kajian itu mengakui pengetahuan dan kesedaran adalah penting dalam memberi sumbangan terhadap perkembangan dan program kesedaran kesihatan untuk jemaah di masa akan datang.

Dalam perkembangan lain di Al Mukalla, ribuan jemaah Yaman yang menuju ke Arab Saudi untuk menunaikan ibadat haji terkandas di sempadan, kata saksi dan pihak berkuasa kelmarin.

"Saya menunggu di sebelah sempadan Arab Saudi selama lebih 30 jam. Ada kira-kira 300 bas diparkir dalam barisan panjang menunggu pemeriksaan keselamatan," kata seorang lelaki dari wilayah Hadramout kepada Gulf News kelmarin.

Jemaah terpaksa tidur di padang pasir dan kini kehabisan air dan makanan, malah tiada tandas atau perlindungan daripada panas.

Penerbangan dari Yaman ke Arab Saudi juga digantung, menjadikan Al Wade pintu masuk tunggal ke dalam Arab Saudi. Agensi pelancongan tempatan berkata, kelewatan itu disebabkan pengeluaran visa oleh Arab Saudi.

AGENSI

m dan an TH